



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**4 OKTOBER 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU : NUFAM PERSOAL KEBAJIKAN BEKAS PEKERJA MAS

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	4 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>MALAYSIA KINI</b> Nufam persoal janji menteri bela bekas pekerja MAS	<b>MENTERI KSM</b>  <b>NUFAM</b>

### AKHBAR : MALAYSIA KINI

#### Nufam persoal janji menteri bela bekas pekerja MAS

Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Malaysia (Nufam) mengingatkan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot Jaem berhubung janji beliau untuk membela kebajikan para pekerja yang diberhentikan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) pada 2014. Nufam berkata demikian susulan kenyataan Riot yang berkata kes-kes bekas kakitangan MAS tidak akan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan tanpa memberikan justifikasi.

"Menteri berkenaan dipetik media berkata kementerian beliau akan membantu para pekerja dan kebajikan serta hal-ehwal mereka akan dijaga. "Jadi kenapa beliau tidak mengotakan janji sekarang," soal kenyataan Nufam hari ini. Keputusan untuk tidak merujuk kes-kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan hanya diketahui umum apabila Nufam menyelar sikap tidak responsif Kementerian Sumber Manusia.

#### Keputusan menteri tidak disedari

Seramai 3,600 orang daripada 6,000 pekerja MAS yang diberhentikan telah memohon untuk merujuk kes mereka ke Mahkamah Perusahaan. "Kesatuan hari ini sangat sibuk memberitahu kesemua mereka yang terlibat kerana ramai yang tidak sedar dengan keputusan yang dibuat menteri. Ramai orang terkejut kerana tiada surat yang disampaikan kepada mereka. "Sangat tidak adil untuk menteri berkenaan untuk tidak merujuk kes-kes ini ke mahkamah tanpa memberikan sebab-sebabnya," kata Nufam.

Nufam mempersoal kenapa Kementerian Sumber Manusia secara tiba-tiba mengambil langkah ini kerana pada peringkat awalnya, pihak kementerian sangat membantu kepada para pekerja yang diberhentikan dalam memfailkan kes-kes untuk tindakan di Mahkamah Perusahaan. "Sebagai Menteri beliau harus mengambil berat dalam hal hal pembuangan pekerjaan dalam negara ini dan isu pembuangan pekerja di MAS adalah paling terbesar dalam sejarah industri penerbangan. "Kalau syarikat itu bankrap kita faham, tetapi dalam isu MAS, syarikat MAS tidak pun disenaraikan sebagai syarikat muflis," kata kenyataan itu.

Namun, Nufam berkata sebahagian besar kakitangan pengurusan tertinggi syarikat MAS masih dkekalkan tetapi kira-kira 6,000 orang hilang pekerjaan. "Isu pembuangan pekerja MAS ini merupakan satu isu sejarah detik hitam kepada industri penerbangan di dalam negara ini," kata kenyataan itu lagi. Nufam berkata mereka telah menghantar surat bantahan kepada kementerian sumber manusia hari ini bagi menyatakan ketidakpuasan hati berhubung cara kementerian itu mengendalikan isu ini.

## ISU : HOSPITAL KHAS UNTUK PEKERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	4 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>BERITA HARIAN</b> Tubuh hospital khas kendali kes penyakit berkaitan pekerjaan	<b>TIMB.MENTERI KSM</b> <b>PERKESO</b>

### AKHBAR : BERITA HARIAN

#### **Tubuh hospital khas kendali kes penyakit berkaitan pekerjaan**

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan hospital khas, bagi mengendalikan kes penyakit berkaitan pekerjaan, yang semakin meningkat. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Mutalib, berkata hospital khas ini perlu disediakan dalam usaha Malaysia menuju ke negara maju.

"Dalam usaha negara kita mencapai matlamat TN50 dan ke arah negara maju, kita mahu pastikan pekerja kita selamat dan sihat. "Kita berdepan cabaran di mana tahap kesihatan pekerja semakin membimbangkan akibat daripada penyakit yang disebabkan oleh pekerjaan semakin meningkat.

"Saya rasa sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan sebuah hospital khas bagi mengendalikan kes berkaitan penyakit disebabkan oleh pekerjaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pencegahan Penyakit 2017 hari ini. Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Lembaga PERKESO, Tan Sri Dr Aseh Che Mat dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Antara penyakit yang disebabkan pekerjaan adalah masalah telinga akibat kesan bunyi di tempat kerja, terdedah dengan kimia yang mengundang berbagai penyakit seperti barah dan paru-paru. Hospital khas ini perlu kerana ia dapat mengenal pasti sesuatu penyakit akibat pekerjaan daripada peringkat akar umbi dan sekali gus dapat melaksanakan langkah pencegahan bagi mengatasi masalah itu.

Ismail berkata, keselamatan di tempat kerja sangat dititik beratkan dan berdasarkan statistik PERKESO, bilangan keseluruhan kemalangan yang dilaporkan pada 2016 adalah sebanyak 66,618 kes dan menunjukkan peningkatan 18 peratus berbanding 10 tahun lalu. Daripada keseluruhan kemalangan itu, kes kemalangan ketika perjalanan pergi dan balik menunjukkan rekod yang membimbangkan iaitu 77 peratus untuk tempoh sama. Bagaimanapun, bilangan statistik kemalangan di tempat kerja menurun sebanyak sembilan peratus.

## ISU : GESAAN TINDAKAN TEGAS TERHADAP PENGANJUR EXPO KERJAYA ZON UTARA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	4 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> Tindakan tegas terhadap penganjur karnival kerjaya - GPMS	<b>GPMS</b> <b>KSM</b>

### AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

#### Tindakan tegas terhadap penganjur karnival kerjaya - GPMS

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan digesa mengenakan tindakan tegas terhadap penganjur Expo Kerjaya Terbesar Zon Utara 2017, Jobsifu.com kerana didakwa mengambil kesempatan terhadap graduan menganggur. Ahli Majlis Tertinggi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Zaid Nabil Zakuan berkata, pihaknya menerima banyak aduan dan maklum balas peserta mengenai karnival kerjaya yang mendakwa merupakan karnival kerjaya terbesar zon utara dengan menawarkan lebih daripada 5,000 kekosongan jawatan.

Katanya, penganjur karnival selama dua hari bermula 30 September hingga 1 Oktober lalu yang berlangsung di sebuah hotel di Alor Setar, Kedah itu mengenakan bayaran RM10 bagi mendapatkan borang permohonan pekerjaan sementara graduan turut dinasihatkan membeli sekurang-kurangnya lima set borang untuk menceraikan peluang mendapatkan pekerjaan. "GPMS sangat bertegas dengan isu pihak tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan terhadap graduan yang menganggur khususnya kepada syarikat-syarikat yang sering membuli graduan dengan mengenakan bayaran tidak setimpal dengan skop pekerjaan dan waktu bekerja.

"Kami menggesa kerajaan mengambil tindakan kepada penganjur kerana mengambil kesempatan dalam kesempitan yang dihadapi graduan yang dahagakan peluang pekerjaan. Oleh itu, tindakan tegas perlu diambil supaya perkara ini tidak berulang, Kementerian Sumber Manusia juga perlu memantau perkara ini," katanya menerusi kenyataan hari ini. Tindakan penganjur, Jobsifu.com mengenakan bayaran bagi setiap borang permohonan pekerjaan ketika Expo Kerjaya Terbesar Zon Utara 2017, baru-baru ini mencetuskan kemarahan graduan yang berang kerana menyifatkannya sebagai tidak masuk akan dan sengaja mengambil terhadap kesempatan ke atas mereka.

Dalam pada itu, Zaid Nabil berkata, GPMS turut menerima laporan daripada pengunjung yang mendakwa ruang pameran pekerjaan tidak dipenuhi dengan syarikat yang berkaitan tetapi lebih kepada jualan produk-produk kecantikan dan jualan makanan. Selain itu, kata beliau, memandangkan karnival itu mensasarkan graduan dari zon utara, graduan yang hadir dari Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis terpaksa pulang dengan perasaan hampa sementara laman Facebook JobSifu.com turut ditukar nama selepas kejadian itu tular di media sosial.

"Jobsifu.com harus bertanggungjawab di atas kejadian ini. Tidak semua datang dari keluarga yang senang dan mereka membawa harapan kedua ibu bapa untuk mencari peluang pekerjaan. "Bayangkan mereka datang dari jauh dan mungkin cukup wang untuk perbelanjaan tambang dan makan tetapi telah diperas untuk membeli borang permohonan. Graduan telah menanggung banyak kerugian dari segi kewangan, masa dan tenaga untuk hadir tetapi dipergunakan sebagai bahan untuk mengaut keuntungan. Cukup-cukuplah menganiayai graduan," tegasnya.

## ISU : CARUMAN PEMANDU TEKSI,GRAB DAN UBER

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	4 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>SINAR HARIAN</b> Ramai pemandu teksi, grab, uber belum carum PERKESO	<b>PERKESO</b>

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Ramai pemandu teksi, grab, uber belum carum PERKESO

**ALOR SETAR** - Masih ramai pemandu teksi, uber, dan grab di negeri ini tidak mencarum di bawah Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi, dan Sumber Tenaga Manusia, Datuk Norsabrina Mohd Noor berkata, sejak skim itu dilancarkan pada 1 Jun lalu (2017), hanya terdapat 10 pemandu teksi di Alor Setar dan Langkawi telah mencarum manakala pemandu uber serta grab belum berbuat demikian.

“Saya ingin meminta kepada pemandu teksi, grab dan uber yang bekerja sendiri, datanglah ke pejabat Perkeso di daerah masing-masing atau menghubungi pejabat di daerah terdekat untuk mendaftar dan mencarum segera kerana faedahnya banyak. “Mereka yang mencarum boleh menikmati faedah hasil caruman jika berlaku kemalangan sewaktu bekerja dengan menggantikan pendapatan mereka sehingga hilang upaya sementara atau hilang upaya kekal, malah jika meninggal dunia disebabkan kemalangan itu, isteri atau waris akan menikmati faedah secara bulanan serendah RM950 sebulan sepanjang hayat atau sehingga anak berusia 21 tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Perasmian Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial 2017 di Wisma Perkeso Kedah di sini, hari ini. Turut hadir, Timbalan Pengarah Perkeso Kedah, Basharudin Khalid. Skim di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang memberi perlindungan kepada pencarum selama 12 bulan merangkumi faedah tunai kepada pemandu teksi dan tanggungannya di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

Norsabrina berkata pelbagai program diadakan oleh Perkeso untuk memberi kesedaran kepada golongan tersebut, namun sehingga kini ia masih gagal meningkatkan penyertaan pencarum. “Kegagalan untuk mencarum bukanlah mereka tidak mendapat maklumat tetapi mereka mengambil sikap tunggu dan lihat dan tidak yakin dengan faedah yang ditawarkan Perkeso,” katanya. Beliau berkata, pihak Perkeso juga telah mengadakan pertemuan dan taklimat dengan pihak persatuan teksi dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) bagi menyampaikan mesej tersebut.

“Jika mereka merasakan susah untuk membuat bayaran menerusi bank, atau online, Perkeso sedia menemui mereka untuk membantu mendaftar dan mencarum, mereka tidak ada alasan lagi untuk tidak berbuat demikian,” katanya dan menambah nilai caruman setahun hanya melibatkan RM157.20 sen

## ISU : SKUAD PRIHATIN PERKESO

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	4 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>BERITA WILAYAH</b> Skuad Perkeso Prihatin Mudahkan Urusan OB Di Keningau	<b>PERKESO</b>

### AKHBAR : BERITA WILAYAH

#### **Skuad Perkeso Prihatin Mudahkan Urusan OB Di Keningau**

**KENINGAU** - Perkhidmatan Skuad Perkeso Prihatin yang diluaskan ke Keningau memudahkan pelanggan Orang Berinsurans (OB) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mendapatkan perkhidmatan agensi itu di daerah pedalaman ini.

Pengurus Perkeso Keningau Rijal Jamaluddin berkata pengembangan perkhidmatan itu dapat memberikan bantuan segera kepada OB yang ditimpa musibah dan kemalangan ketika bertugas termasuk menawarkan khidmat siasatan serta mempercepatkan tuntutan.

Beliau berkata bidang kuasa skuad itu termasuk untuk memastikan status waris penuntut khususnya anak-anak yang wajar mendapat bantuan, selain memberikan khidmat nasihat kepada keluarga yang terlibat.

"Skuad akan melengkapkan borang tuntutan serta menyediakan dokumentasi khususnya terhadap anak-anak yatim yang layak menerima faedah-faedah Perkeso penuntut," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Rijal berkata hanya pekerja yang berdaftar dengan Perkeso layak menuntut faedah yang disediakan agensi itu, justeru para majikan wajib mendaftarkan para pekerja mereka dengan pertubuhan ini.

"Masih banyak majikan di daerah ini yang masih belum mendaftarkan pekerja mereka...kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang sengaja tidak mendaftarkan pekerja dan perusahaannya kepada Perkeso," katanya.

Menurutnya sehingga Jun tahun ini, sebanyak 13 kompaun bernilai RM10,000 telah dikeluarkan ke atas majikan yang gagal mendaftarkan pekerja dan perusahaan mereka kepada Perkeso.

Katanya Perkeso sudah mengenal pasti majikan-majikan yang masih berdegil dan akan menasihatkan mereka supaya mematuhi undang-undang sebelum dikenakan sebarang tindakan.